

10/04/1998

PM arah bina empangan di jelapang padi

KUALA LUMPUR, Khamis - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengarahkan Kementerian Pertanian membina empangan bagi menangani masalah bekalan air di kawasan jelapang padi dan pertanian di seluruh negara.

Timbalan Menteri Pertanian, Datuk Dr Tengku Mahmud Mansur, berkata empangan itu akan dibina di kawasan jelapang yang kritikal.

"Pada masa ini satu projek empangan sedang dilaksanakan di Mada, Kedah dan Semerak, Kelantan yang membabitkan belanja RM25 juta," katanya kepada Berita Harian, di Parlimen hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas tindakan jangka panjang kerajaan selepas mengalami pengalaman kemarau panjang sekarang menyebabkan beribu-ribu hektar sawah dan kawasan pertanian kering kontang.

Menurutnya, empangan yang akan dibina di kawasan jelapang padi dan pertanian akan dipastikan berupaya menyimpan air yang lebih banyak dalam paras simpanan.

Tengku Mahmud berkata, beliau akan ke kawasan jelapang padi di Sabak Bernam minggu depan bagi meninjau kesan kemarau di sana.

(END)